

Headline	Jangan 'ali baba' tapak bazar Ramadan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Feb 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	34	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	351 cm ²
Journalist	NURUL HIDAYAH HAMID	AdValue	RM 7,441
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,323



Jangan 'ali baba' tapak bazar Ramadan

Tapak niaga akan dirampas, deposit batal, kata Mohd Zohdi

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

Peniaga bazar Ramadan di bandaraya Alor Setar pada tahun ini diingatkan supaya tidak sewenang-wenangnya 'mengalibabakan' tapak perniagaan kepada pihak ketiga.

Datuk Bandar Alor Setar, Datuk Mohd Zohdi Saad berkata, sebanyak 2,429 tapak disediakan untuk bazar Ramadan anjuran Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) bermula 24 April hingga 23 Mei.

Beliau berkata, pihaknya menawarkan 2,118 tapak juadah berbuka puasa termasuk *food truck* manakala 311 tapak lagi melibatkan perniagaan pakaian dan barang perhiasan.

"Daripada jumlah tersebut, 145 tapak untuk pakaian dan barangan hiasan (bertender) berkhemah di Stadium Darulaman, 126 tapak lagi untuk peniaga *uptown* sahaja di Stadium Darulaman dan 40 tapak tanpa khemah di Tesco Mergong.

"Bagi perniagaan makanan dan

minuman pula, 856 tapak berkhemah disediakan di Peremba, Simpang Empat, Kuala Sungai, Stadium Darulaman, Pekan Langgar, Pokok Sena dan Medan Selera Darulaman," katanya kepada pemberita baru-baru ini.

Katanya, sebanyak 1,254 tapak makanan dan minuman yang tidak berkhemah disediakan di Taman Wira, Simpang Kuala, Kota Sarang Semut, Taman Aman, Taman Nuri, Tandop, Kuala Kedah, Fama Kuala Kedah dan Taman Mergong Jaya 1," katanya.

Malah, katanya, terdapat pertambahan tapak tahun ini berbanding tahun lepas apabila MBAS turut menyediakan tapak bazar Ramadan baharu seperti di Pantai Johor susulan sambutan dan permintaan diterima daripada penduduk setempat.

Bagaimanapun katanya, MBAS mengingatkan peniaga supaya tidak 'mengalibabakan' tapak bazar berkenaan, malah tidak sesekali menggunakan khidmat warga asing kecuali mereka mempunyai permit sah.

Katanya, tapak niaga akan dirampas, manakala deposit mereka akan batal sekiranya didapati



MOHD ZOHD

'mengalibabakan' tapak niaga di bazar Ramadan kepada pihak lain.

"Bagaimanapun berdasarkan pengamatan tiada kes peniaga 'mengalibabakan' tapak niaga mereka ditemui, namun kita nasihat supaya tiada yang berbuat sedemikian.

"Antara syarat lain menjaga kebersihan

tapak perniagaan dan makanan selain tidak dibenarkan sebarang pertukaran nombor tapak, menggunakan pembesar suara yang boleh mengganggu ketenteraman awam, mendirikan gerai sementara lain dari gerai diperuntukkan, penyambungan ataupun pendawaian elektrik secara haram dan lain-lain," katanya.

Katanya, seramai 50 penguat kuasa akan melakukan kerja pemantauan di semua tapak bazar di kawasan berkenaan demi memastikan syarat ditetapkan dipatuhi peniaga.

Katanya, tarikh jualan dan serahan borang tapak makanan dan minuman mengikut kadar harga ditetapkan akan diadakan bermula pada 17 Februari ini hingga 12 Mac manakala tarikh 15 Mac hingga 29 Mac untuk jualan dan serahan borang tapak bazar pakaian dan barangan hiasan.